

Jaminan hak wanita

Larangan syarak bukan menafikan kebolehan golongan hawa

Apabila bersembang secara serius mengenai wanita, selalunya umum tidak ketinggalan menyebut berkaitan hak. Wanita seronok berdebat dan berlagu memperjuangkan hak, tetapi yang menjadi masalah apabila hak itu tidak dipandang dari perspektif syariat.

Hak asalnya dari perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu. Kamus Dewan menyatakan antara maksud perkataan hak ialah "kuasa atas sesuatu, atau untuk berbuat sesuatu".

Rasulullah bela hak wanita

Ibn Manzur berpendapat hak ialah sesuatu yang dikhususkan atau sesuatu yang menjadi bahagian yang mesti diberi kepada seseorang. Secara jelasnya, bolehlah kita katakan, kuasa ini mesti disabitkan dengan agama, undang-undang dan adat, supaya tidak menyalahei persepsi manusia yang mempunyai Tuhan.

Dalam soal hak, Rasulullah SAW menggunakan pelbagai pendekatan dalam membela hak wanita sama ada secara langsung atau berkias. Antaranya ialah melarang kaum lelaki mengganggu hak mereka.

Daripada Abdullah bin Umar, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Jangan kamu halang wanita kamu ke

masjid. Namun rumah mereka lebih baik untuk mereka."

Daripada hadis ini dapatlah kita fahami bahawa berjemaah di masjid adalah diizinkan untuk wanita meskipun baginda mengutamakan solat mereka di rumah mereka sendiri.

“Larangan memakai wangian bertujuan untuk menyelamatkan wanita daripada perbuatan jahat kaum lelaki yang menjadi bernaflu disebabkan bau atau wangian yang datang dari tubuh wanita.”

Selain itu, Rasulullah juga mengeluarkan perintah atau larangan kepada kaum wanita demi menjaga hak mereka, tetapi lain pula jadinya, apabila ramai wanita yang kurang faham dengan larangan syarak menganggap bahawa tujuan larangan itu menafikan kemampuan atau kebolehan wanita yang semestinya setaraf dengan kaum Adam.

Sedangkan, larangan itu adalah semata-mata untuk menjaga hak wanita. Pelik juga, wanita cuba memperjuangkan hak tetapi apabila agama mempertahankan hak mereka, dikata pula mengongkong.

Sebagai contoh, larangan memakai wangian bertujuan untuk menyelamatkan wanita daripada perbuatan jahat kaum lelaki yang menjadi bernaflu disebabkan bau atau wangian yang datang dari tubuh wanita. Wangian itu boleh membawa pencemaran kepada kehormatan wanita juga. Mungkin juga kezaliman yang berleluasa terhadap wanita adalah disebabkan wanita meninggalkan pengajaran Nabi SAW.



Wanita diizinkan berjemaah di masjid tetapi **diutamakan bersolat dirumah.**

[GAMBAR HIASAN]

Rahsia diri dan aurat dipelihara

Selain itu, adalah menjadi hak wanita agar rahsia diri dan aurat mereka dipelihara dan dijaga. Walaupun bunyinya mudah tetapi bukan semua wanita mampu menghayati larangan ini. Itulah susahnya, apabila larangan untuk menjaga hak dianggap sebagai penyiksaan yang menafikan hak.

Alangkah baiknya daripada berkeleluhan kesah kerana hak tidak disamakan dengan lelaki, wanita berusaha untuk menggalakkan lelaki menunaikan hak mereka sebagai isteri, sama ada isteri tunggal atau yang ke berapa pun. Ia bukan saja dapat menyelamatkan institusi kekeluargaan tetapi juga suami apabila tanggungjawab mereka disoal di akhirat kelak.

Jaminan syurga

Islam menjamin bagi mereka yang memelihara hak wanita dengan jaminan agama iaitu syurga yang melewati batasan kebendaan dan kehidupan di dunia yang sementara ini. Tambahan pula ramai pemohon yang sedang menunggu kebenaran mahkamah untuk mendirikan 'masjid' baru' (yang sedia ada masih baik), jadi eloklah isteri memperingatkan suami tanggungjawab mereka yang besar, jangan pula masjid tahu dibina tetapi tidak pula dimakmurkan.

Mengingatkan hakikat diri wanita, kadang-kadang terasa jauh hati mender-

gar banyak masalah teman dan taulan yang jauh dan dekat, lantaran mereka tidak dihargai suami yang memimpin insani dalam sebuah usrah yang didirikan kerana ibadah.

Barangkali sebahagian sifat wanita dianggap negatif kepada penilaian kaum lelaki, namun ia adalah kekuatan yang sehati dengan diri wanita. Bahkan mungkin ia menyuburkan lagi nilai kewanitaannya mereka. Ini seperti sifat cemburu, mudah merajuk, mudah menangis dan seumpamanya.

Sifat ini selalu menghiasi nilai kewanitaannya dan menjadikan mereka bertambah indah, jika ia tidak melampaui tahap yang sewajarnya. Jika mereka bersifat keras seperti lelaki nescaya hilanglah keindahan itu. Namun sifat ini mungkin dirasakan janggal oleh lelaki lalu dia cuba 'meluruskannya' berdasarkan sifat kelakiannya, maka ia akan merosakkan hubungan dan nilai.

Seperti mana tulang rusuk tidak wajar dibetulkan kerana demikian ia berfungsi, maka begitu juga membetulkan sifat tertentu yang ada pada wanita boleh merosakkan mereka. Jika sikap mereka menjadi seperti lelaki, tentu rumah tangga tidak dapat diuruskan dan kasih sayang tidak dapat dibina. Oleh itu, hendaklah kita sama-sama menyeru hak kita semua sebagai hamba lebih utama daripada sentiasa berseteru. Teruslah menjadi abdi kepada yang satu kerana ia tentunya lebih fardu.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia